

27 MAR 2002

ALI-JERMAN

MELAKA RANGKA STRATEGI TARIK LEBIH RAMAI PELANCONG JERMAN

MELAKA, 27 Mac (Bernama) -- Kerajaan Melaka sedang merangka program bagi menarik lebih ramai pelancong Jerman melawat negeri ini, kata Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Antara usaha yang dijalankan termasuk membawa ejen dan penulis pelancongan melawat negeri bersejarah ini bulan depan, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohd Ali berkata berkata 8,000 pelancong Jerman melawat Melaka tahun lepas.

"Daripada 70,000 pelancong negara itu yang melawat Malaysia tahun lepas, hanya 8,000 orang melawat Melaka," katanya.

Mohd Ali yang menyertai lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jerman minggu lepas, berkata beliau turut mengadakan rundingan dengan beberapa wakil bandar raya Munich dan mengadakan perbincangan program pelancongan Melaka-Jerman.

"Antaranya, kita telah mencadangkan supaya Pusat Pameran Antarabangsa Munich mengadakan ruang pameran tetap di Melaka," katanya.

Beliau berkata Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka di Ayer Keroh yang dijangka siap tahun depan telah ditawarkan untuk pameran itu dan mereka telah berminat dengan tawaran itu.

Mohd Ali berkata pusat pameran Munich itu telah membuka 81 cawangan di seluruh dunia dan cuma satu di rantau Timur Jauh iaitu di Shanghai, China.

Dalam lawatannya ke Munich itu, beliau tertarik dengan cara pelupusan sistem pepejal dan sistem bermeter meletak kereta di bandar raya itu dan bercadang memperkenalkannya di Melaka.

"Saya juga berminat melaksanakan konsep riadah di taman-taman rekreasi di negara itu yang turut menempatkan padang-padang bola," katanya. --

BERNAMA

NO LAT JR